# Karangkraf Mall gedung bahan baca

Sinar 2/9/11 Ms 55.

**INTAN ATHIRAH REBUWANG**
*FOTO : ROSLI TALIB*

Penggemar buku ada kalanya cerewet memilih buku termasuk lokasi terbaik mencari buku. Lazimnya mereka mementingkan kualiti dan pilihan akan mencari kedai buku besar dan selesa.

Kepelbagaian buku yang ditawarkan pasaran memberi pilihan kepada pembaca untuk mencari dan memilih bacaan terbaik. Malah, pesanan buku secara talian yang menjadi trend terkini sesuai digunakan bagi mereka yang sibuk dan tidak



**MOHD NASIR**

umur," katanya.

Beliau berkata, pengunjung akan segera menyedari betapa luas pilihan buku yang ditawarkan.

"Sekiranya terasa rambang mata tidak perlu khuatir kerana tajuk buku dalam keadaan kemas dan tersusun sekali gus memudahkan pengunjung mencari genre pilihan dengan cepat," katanya.

Menurutnya, bagi penggemar buku dan majalah terutama dari luar Lembah Klang mungkin menghadapi masalah mencari buku idaman memandangkan



**Pelanggan bakal menikmati potongan 15 peratus bagi setiap pembelian buku dan majalah di Karangkraf Mall.**

ke rumah atau mengambilnya sendiri di Karangkraf Mall," katanya.

Menurutnya, kos penghantaran pos bergantung pada harga semasa yang ditetapkan Poslaju.

Antara jenis bahan bacaan ditawarkan, novel popular Kasih Yang Suci, Cinta Yang Ku Rasa, Bisik-bisik Gelora, Bagaikan Puteri dan sebagainya.

berpatutan.

"Kad keahlian juga akan dilancarkan pada masa akan datang dan boleh digunakan di semua cawangan Karangkraf Mall yang masih dalam proses," katanya.

Karangkraf Mall turut menyediakan tempahan Uprint kepada pelanggan sekiranya ingin membuat sebarang tempahan kad perniagaan, album, kalendar dan

berkesempatan ke kedai buku.

Justeru, bagi mereka yang mencari dan mendapatkan lokasi pembelian buku terbaik untuk semua peringkat umur, penulis mencadangkan ke Karangkraf Mall yang menawarkan koleksi buku menarik dengan tawaran harga berpatutan.

Karangkraf Mall baru berusia tiga bulan itu terletak di ibu pejabat Kumpulan Media Karangkraf, Seksyen 15, Shah Alam bakal menjadi tumpuan pembaca di seluruh negara untuk mendapatkan bahan bacaan terkini produk dari Karangkraf.

Ia mudah diakses kerana terletak di lokasi strategik untuk pembeli dan pembaca mendapatkan bahan bacaan termasuk penyediaan tempat letak kereta luas untuk kemudahan pelanggan.

Karangkraf Mall beroperasi dari 9.30 pagi hingga 9.30 malam bermula pertengahan September depan.

Gedung buku satu tingkat itu menawarkan tajuk buku dengan kepelbagaian genre yang mampu memuaskan keperluan bacaan kebanyakan pembaca di Malaysia.

Timbalan Pengerusi Karangkraf, Mohd Nasir Hamzah berkata, Karangkraf Mall menyediakan sekurang-kurangnya 2,000 judul buku dan 28 majalah.

"Produk disediakan adalah 100 peratus daripada Karangkraf Mall dengan pelbagai pilihan majalah, buku dan novel untuk pengunjung.

"Pelanggan bakal menikmati potongan 15 peratus jika membeli di sini untuk semua buku dan majalah ditawarkan.

"Produk kami sesuai untuk semua peringkat umur yang menawarkan buku, novel, majalah dan untuk semua peringkat buku terhad di kawasan masing-masing.

**INFO**

- Waktu operasi – 9.30 pagi hingga 9.30 malam
- Potongan 15 peratus bagi setiap pembelian
- Menerima tempahan Uprint
- Layari www.mall.karangkraf.com untuk maklumat lanjut

Di sinilah letaknya kepentingan perkhidmatan pembelian dan tempahan buku di laman web Karangkraf Mall iaitu www.mall.karangkraf.com.

"Kita memberi jaminan kepada pembeli bahawa barang akan terus dihantar ke rumah dan bersedia untuk menggantikannya jika barang tersebut gagal diperoleh.

"Mereka boleh memilih sama ada barang dihantar terus

Pelbagai majalah seperti Remaja, Keluarga, Mingguan Wanita, Pengantin, Maskulin, Umpan, Rasa dan sebagainya.

Pelanggan juga boleh melayari laman sosial Facebook di Karangkraf Mall bagi mengetahui bacaan terkini ditawarkan dan sekiranya ingin mendapat sebarang maklum balas mengenai produk Karangkraf.

"Kami turut menawarkan perkhimatan langganan kepada pelanggan terhadap mana-mana produk Karangkraf," katanya.

Pelanggan juga boleh membeli barangan Karangkraf seperti kemeja-T, mug, beg dan payung di sini.

Memahami kehendak sesetengah pelanggan , Karangkraf Mall turut menawarkan penjilidan majalah selama setahun yang boleh ditempah dengan tawaran harga menarik dan lain-lain dengan potongan harga berpatutan.

Beliau berkata, majalah dan buku ditawarkan bukan sahaja terkini termasuk produk terdahulu yang mungkin sukar untuk didapati di tempat lain.

"Kita memberi jaminan produk dan stok terdahulu seperti novel Ombak Rindu yang popular masih boleh didapati di sini," katanya.

Bagi merancakkan operasi, Karangkraf Mall akan mengadakan sesi peraduan dan bersama penulis untuk pelanggan pada masa akan datang.

Nasir berkata, Karangkraf Mall juga mendidik minat membaca kalangan masyarakat kerana seisi keluarga dapat berkunjung ke sini untuk memilih dan membeli produk pilihan masing-masing sebagai bahan bacaan.



Karangkraf Mall menyediakan ruang selesa untuk pengunjung.



Pelbagai produk Karangkraf ditawarkan kepada pelanggan.